

Penswastaan tanah kerajaan dibeku

BH 21 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua penswastaan tanah Kerajaan Pusat di pusat bandar utama, termasuk tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), dibekukan berkuat kuasa mulai 29 Januari lalu.

Pembekuan itu termasuk cadangan projek yang masih dalam pertimbangan tetapi belum diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) sebelum tarikh berkenaan.

Menteri Tanah dan Pembangunan

Kooperasi. Tan Sri Kasitah Gaddam, berkata langkah itu diputuskan oleh Kabinet bagi memastikan kerajaan terus memiliki tanah di kawasan strategik untuk pembangunan masa depan.

Katanya, kerajaan bimbang jika aliran sekarang tidak diperbetulkan, kerajaan akan menghadapi masalah untuk melaksanakan projek pembangunan bagi kepentingan rakyat.

"Kerajaan sudah buat keputusan

supaya semua tanah dalam kawasan bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Johor Bahru tidak lagi diberikan kepada pihak swasta," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rombongan 12 ketua tradisional Fiji, diketuai Senator Mohammed Afzal Khan, di pejabatnya hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan kerajaan akan

mengambil balik tanahnya yang diberikan kepada swasta tetapi tidak dimajukan sehingga menjadi kawasan setinggan.

Berikutan itu, kerajaan Selangor memutuskan akan mengambil balik tanah yang diberikan kepada swasta jika mereka gagal mengemukakan pelan pembangunan dalam tempoh tiga bulan.

LIHAT MUKA 2, RUANG 2

Dasar tidak babitkan kerajaan negeri

BH 21 MAR 2000
DARI MUKA 1

Kasitah berkata, kebanyakan tanah milik Kerajaan Persekutuan di bandar utama yang dibangunkan oleh swasta adalah kawasan utama yang nilai komersilnya amat tinggi.

"Banyak lagi cadangan yang dikemukakan oleh swasta untuk memajukan tanah milik Kerajaan Pusat di bandar utama.

"Jemaah menteri sudah meneliti keadaan ini dan bimbang suatu hari nanti, kerajaan tidak lagi memiliki tanah di kawasan bandar utama jika penswastaan diteruskan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, keputusan Kabinet itu hanya membabitkan tanah milik Kerajaan Pusat, manakala kerajaan negeri bebas untuk menetapkan dasar mereka.

Mengenai kunjungan rombongan Fiji itu, Kasitah berkata negara berkenaan meminta Malaysia membantu dalam pembangunan tanahnya serta mahu berkongsi pengalaman dalam perladangan tebu yang menjadi sumber utama ekonomi negara itu.

Fiji berminat mempelajari dan mengikuti cara Malaysia melaksanakan pentadbiran dan pemhangunan tanah ini seperti dikendalikan menerusi Felda dan Felcra.